

Bil. S 77

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan gelaran panjang kepada Penggal 6.
 3. Penggantian bab 3.
 4. Pindaan bab 4.
 5. Pindaan bab 5.
 6. Pindaan bab 5A.
 7. Pindaan bab 6.
 8. Pindaan bab 7.
 9. Pindaan bab 8.
 10. Pindaan bab 13.
 11. Pindaan bab 14.
 12. Pindaan bab 23.
 13. Pindaan bab 26.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah (Pindaan), 2012 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 [S 8/07].

Pindaan gelaran panjang kepada Penggal 6.

2. Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dalam gelaran panjang, dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret dan Mahkamah-Mahkamah Juvenil [S 9/06] sebagai” dari baris pertama.

Penggantian bab 3.

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Mahkamah-mahkamah rendah.

3. (1) Hendaklah ada di dalam Negara Brunei Darussalam mahkamah-mahkamah rendah yang berikut dengan bidang kuasa yang diberikan oleh Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain —

(a) Mahkamah Majistret;

(b) Mahkamah Juvenil;

(c) Tribunal Tuntutan Kecil.

(2) Tribunal Tuntutan Kecil hendaklah mempunyai bidang kuasa yang diberikan oleh Perintah Tribunal Tuntutan Kecil [S 8/07] atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 (S 8/07), tiada peruntukan Akta ini atau Aturan-Aturan Mahkamah boleh dikenakan kepada Tribunal Tuntutan Kecil.”.

Pindaan bab 4.

4. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret dan Mahkamah-Mahkamah Juvenil” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”.

Pindaan bab 5.

5. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret dan Mahkamah-Mahkamah Juvenil” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”.

Pindaan bab 5A.

6. Bab 5A dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret” dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”;

(b) dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret dan Mahkamah-Mahkamah Juvenil” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”;

(c) dengan memotong “Mahkamah Majistret dan Mahkamah Juvenil” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “mana-mana mahkamah rendah”.

Pindaan bab 6.

7. Bab 6 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret dan Mahkamah-Mahkamah Juvenil” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”.

Pindaan bab 7.

8. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “Mahkamah Majistret atau mana-mana Mahkamah Juvenil” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “Mahkamah Majistret dan Mahkamah Juvenil” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

(c) dalam cerai (3) —

- (i) dengan memotong “Mahkamah Majistret atau Mahkamah Juvenil” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;
- (ii) dengan memotong “Mahkamah Majistret atau Mahkamah Juvenil” dari baris akhir kelima dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;
- (iii) dalam proviso, dengan memotong “Mahkamah Majistret atau Mahkamah Juvenil” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

(d) dalam cerai (4), dengan memotong “Mahkamah Majistret atau Mahkamah Juvenil” dari baris akhir kedua dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

(e) dalam cerai (5), dengan memotong “Mahkamah Majistret atau Mahkamah Juvenil” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”.

Pindaan bab 8.

9. Bab 8 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Mahkamah Majistret dan Mahkamah Juvenil” dari baris pertama dan kedua dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”.

Pindaan bab 13.

10. Bab 13 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret” dari dua baris akhir dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”.

Pindaan bab 14.

11. Bab 14 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret” dari baris kedua, ketiga dan akhir dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”.

Pindaan bab 23.

12. Bab 23 dari Akta itu adalah dipinda dalam cerai (2) —

(a) dengan memotong “Mahkamah Majistret” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

(b) dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”.

Pindaan bab 26.

13. Bab 26 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memotong “Mahkamah-Mahkamah Majistret” dan menggantikannya dengan “mahkamah-mahkamah rendah”;

(b) dalam cerai (1), dengan memotong “Mahkamah Majistret” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

(c) dalam cerai (2), dengan memotong “Mahkamah Majistret” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “mahkamah rendah”;

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM